

Tumit bengkok: TPM batal lawatan ke Sarawak
Malaysiakini.com
November 23, 2010

Timbalan Perdana Menteri membatalkan lawatan dua harinya ke Sarawak mulai hari ini kerana mengalami bengkok di tumit.

muhyiddin pc 200910 02Setiausaha akhbar beliau Datuk Ainon Mohd memberitahu Muhyiddin dinasihatkan oleh doktor supaya berehat.

"Oleh itu, YAB Tan Sri Haji Muhyiddin terpaksa membatalkan lawatan kerjanya ke Sarawak hari ini dan esok. Timbalan Perdana Menteri memohon maaf jika timbul sebarang kesuliatan," katanya dalam satu kenyataan.

Timbalan Perdana Menteri dijadual melawat Limbang dan Lawas hari ini dan esok untuk menghadiri beberapa program termasuk sesi bertemu rakyat.

Ainon berkata Muhyiddin akan kembali bertugas Khamis ini.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/148947>